# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 10 RABU 7HB. MACH, 1973. 1393 صفر 2 رابو PERCHUMA




**PASOKAN Ketua2 Jabatan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (gambar atas) telah berjaya dalam perlawanan tarek kalat khas yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan baru2 ini.**

**Turut serta dalam perlawanan itu ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Muda Jefri Bolkiah. Perlawanan tarek kalat itu di-adakan sa-bagai memperingati lawatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.**

## KERJA2 KA-ATAS RANCHANGAN BEKALAN AYER DI-SAMBONG SEMULA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembinaan perengkat pertama Ranchangan Ayer Tutong telah di-sambong semula sejak bulan Januari tahun ini.

Ini berikutan dengan satu kontrek yang di-buat dengan Sharikat Pembinaan Swee bagi jumlah $6,714,000.00 bagi menamatkan kerja2 pembinaan tersebut.

Sharikat Pembinaan Swee di-jangka menyempurnakan kerja2 yang terbengkalai oleh Sharikat Kejuruteraan Wohing dan Winley dalam tempoh 15 bulan.

**(Lihat muka 8)**

## *396 orang penuntut Brunei menuntut di-luar negeri*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 396 orang penuntut Brunei pada masa ini sedang berada di-luar negeri untok melanjutkan pelajaran mereka di-berbagai maktab dan universiti atas biasiswa Kerajaan Brunei melalui Jabatan Pelajaran.

Menurut senarai yang di-keluarkan oleh Jabatan Pelajaran pada penghujong tahun 1972 menunjokkan sa-ramai 216 orang dari penuntut2 itu belajar di-sekolah menengah di-Malaysia, Singapura dan United Kingdom.

Sebelas orang mengambil kursus jururawat dan 13 mengambil latehan guru di-United Kingdom dan dua orang lagi mengambil latehan guru di-Australia.

152 orang mengambil ijazah dan kursus diploma di-Australia, Canada, Malaysia, Filipina, Singapura dan United Kingdom. Sa-orang mengambil kursus Post-Graduate di-United Kingdom atas dermasiswa Commonwealth.

Tujoh orang mengambil ijazah dan kursus diploma di-Malaysia dan United Kingdom atas dermasiswa Ranchangan

*(Lihat muka 8)*

**YANG Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah sedang di-perkenalkan oleh Awang Abdullah Sani kapada peserta2 yang mengambil bahagian dalam pertadingan Karate Sa-Asia dan Pacific yang telah berlangsong di-Singapura, sajurus sa-belum rombongan itu bertolak meninggalkan lapangan terbang antara bangsa Brunei pada hari Rabu lepas.**

**Yang Teramat Mulia terdahulu sa-belum itu telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kapada ketua pasokan dalam satu upachara rengkas di-lapangan tersebut.**



## *ORANG RAMAI DI-SERU SUPAYA MENJIMAT AYER*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail hari ini menyeru orang ramai supaya tenang dan sabar pada menghadapi musim kemarau yang sedang menimpa negeri ini.

Dalam pertemuan khas dengan beliau, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara juga menasihatkan seluroh pendudok negeri ini supaya berjimat-chermat dalam menggunakan ayer yang telah di-bekalkan.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa kebiasaan satengah2 pendudok untok menggunakan ayer saperti menchuchi kereta, menyiram bunga dan lain2 kebiasaan yang menggunakan ayer itu hendak-lah di-kurangkan.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa dalam masaalah kekurangan ayer ini ada-lah merupakan masaalah yang di-hadapi bersama dan ia-nya hendak-lah di-atasi dengan melalui sifat bersafahaman, tanpa memikirkan kepentingan sendiri.

**(Lihat muka 8)**

## RENCHANA KHAS

**IBADAH Haji ia-lah salah satu dari rukun Islam yang lima dan ada-lah di-wajibkan sa-tiap Umat Islam yang berkemampuan mengerjakan-nya. Wa-jib-nya di-atas tiap2 sa-seorang menunaikan fardhu haji itu sama-lah sa-bagaimana kita di-wajibkan menunaikan sembahyang lima waktu, puasa da-lam bulan Ramadhan dan lain2 rukun lagi. Hanya perbezaan di-antara rukun2 yang lain itu dengan ibadah haji ini ia-lah bahawa wajib-nya ibadah haji itu di-kerjakan ia-lah sekali sahaja dalam sa-umor hidup. Itu pun di-sharatkan dengan ada-nya kemampuan yang menchukupi baik dalam soal wang ringgit, kemudahan2 perjalanan mahu pun kesihatan.**

Firman Allah dalam Al-Quran, Surah Al-Emran — ayat 97 telah menye-butkan yang kira2 ber maksud: *"Dan Allah mewajibkan kapada manusia mengerjakan haji di-Baitullah — ia-itu barang siapa yang* **kuasa** *mengadakan per-jalanan kapada-nya"*.

*Kuasa* yang di-sebutkan dalam surah itu ada-lah berarti "kemampuan" bagi tiap2 sa-orang Umat Islam yang hendak menunaikan ibadah haji tersebut.

# KA-TANAH SUCHI

**(oleh: Haji Ahmad Arshad)**

Dan kemampuan itu ia-lah de-ngan ada mempunyai perbelan-jaan pergi dan balek termasok perbelanjaan2 - nya sa - waktu berada di-tanah suchi dan per-belanjaan buat orang yang da-lam tanggongan-nya yang ting-gal di-tanah ayer. Kemampuan itu juga berarti chukup sehat, ada kenderaan dan aman sa-waktu dalam perjalanan ka-tanah suchi itu.

Menurut hukum dan telah di-sebutkan juga di-beberapa buah buku panduan menger-jakan ibadah haji itu bahawa orang yang telah ada kemam-puan itu, tetapi tidak menger-jakan haji sa-hingga-lah ia mati, maka ia berdosa dan ke-adaan-nya sama-lah dengan ke-tiadaan mengerjakan sembah-yang, berpuasa dan rukun2 Is-lam yang lain.

Persoalan selalu timbul yang di-tujukan kapada orang2 Is-lam yang berada, tetapi belum lagi menunaikan ibadah haji itu. Jika di-tanya kenapa me-reka itu belum menunaikan ibadah tersebut, maka jawapan yang biasa benar di-dengar ia-lah belum *"lambaian"* atau be-lum sampai seru, atau belum di-kehendaki Tohan lagi. Per-soalan sa-umpama ini tidak sa-haja terdapat di-tanah ayer kita ini, bahkan juga di-nega-ra2 Islam yang lain saperti-mana juga yang banyak di-tim-bulkan dalam buku2 yang ber-hubong dengan mengerjakan haji itu.

Ustadz Ismail Yusof dalam buku panduan mengerja haji menegaskan bahawa jawapan sa-umpama itu ada-lah salah. Beliau menekankan bahawa sa-suatu perkara tuntutan shara' tidak harus di-buat alasan de-ngan kehendak Tohan, sama ada untok hendak mengerja-kan-nya atau untok meninggal-kan-nya. Tiap2 sa-seorang mesti-lah patoh kapada hu-kum2 Islam. Apa yang di-tun-tuti oleh hukum itu-lah yang mesti di-buat alasan.

Berhubong dengan seruan atau "lambaian" itu perlu juga di-beri penjelasan, kerana sa-jauh ini, hatta dalam perbual-an2 saya dengan jemaah2 Bru-nei di-Tanah Suchi, maka alasan belum "lambaian" itu nampak-nya maseh menular.

Dalam buku-nya, Ustadz Is-mail Yusof menegaskan baha-wa jawapan belum sampai seru atau belum "lambaian" menu-rut kata kita di-sini ada-lah salah, kerana seruan Nabi Mo-hammad s.a.w. memang telah sampai kapada kita sekalian.

Beliau juga menerangkan berhubong dengan apa yang di-maksudkan kapada seruan Nabi Ibrahim a.s. Maksud ini pun salah juga, kerana seruan Nabi Ibrahim a.s. itu tidak menjadi sharat bagi wajib-nya haji. Kerana tidak ada sa-orang pun yang mengetahui seruan itu, maka ta'kan harus di-buat alasan dengan perkara yang tidak di-ketahui oleh-nya itu.

Selalu benar kita mengikuti bagaimana orang membuat alasan2 yang mereka sendiri ti-dak mengetahui akan hujong pangkal-nya, tegas-nya tidak mempelajari dari awal hingga akhir terhadap hukum2 yang sa-benar sa-hingga alasan2 yang di-buat itu terkeluar dari hu-kum2 tersebut.

Maka alasan yang paling baik di-buat ia-lah dengan me-nyatakan yang diri-nya akan menunaikan fardhu haji itu da-lam jangka tiga empat tahun lagi, kerana haji itu wajib-nya ada-lah luas tempoh-nya. Atau pun dengan jawapan: *"Insha-allah, saya akan pergi apabila chukup kemampuan"*. Dalam pada itu, jawapan2 sa-umpama ini hendak-lah kita patohi ia-itu apabila sudah benar2 chu-kup mampu, maka hendak-lah di-tunaikan apa yang kita cha-kapkan itu. Kata2 itu ada-lah sa-bahagian daripada iman.

Bahaya berpegang atau yakin terhadap "lambian" ini juga boleh mendatangkan mudharat dan kepapaan sa-sudah berge-lar haji. Misal-nya: Oleh ke-rana terdurong atau konon-nya sudah di-datangi lambaian, maka berlaku-lah berbagai2 ikhtiar sa-hingga kapada ikh-tiar2 yang tidak di-haruskan kita melakukan-nya saperti menjual atau menggadai harta benda atau tanah yang menjadi sumber penting dalam peng-hidupan manusia.

Ugama Islam tidak sekali2 menyuroh pengikut2-nya berbuat demikian apa lagi dengan tujuan untok menunaikan fardhu haji. Sa-pertimana yang di-sebutkan di-atas bahawa kita di-wajibkan menger-jakan ibadah haji itu sa-telah be-nar2 kita berkemampuan dan tidak mendatangkan kemudharatan pada hari2 yang berikut-nya.

Bagi yang berkemampuan, tetapi belum lagi menunaikan fardhu haji, maka ada baik-nya merenongkan semula akan sabda Rasulullah s.a.w. yang kira2 bermaksud: *"Si-apa yang memileki bekalan dan kenderaan yang boleh menyampai-kan kapada Baitullah, tetapi tidak mengerjakan haji, maka di-atas-nya itu sama ada di-matikan saperti ke-matian Yahudi atau Nasrani, ya'ani tidak ada perbezaan hal-nya de-ngan mengkafirkan nikmat Tohan sa-bagaimana Yahudi dan Nasrani itu mengkafirkan nikmat Allah Subhanahu Wataala"*.

Dalam mengerjakan ibadah haji ini pula, banyak pendapat2 yang menyarankan bahawa ibadah haji itu ada-lah bagi orang yang sudah tua, sementara yang maseh muda itu tidak di-beri galakan.

Tetapi keadaan yang sabenar-nya ada-lah berlawanan dengan saranan ini. Di-sepanjang berada di-Tanah Suchi dan memandang kapada ke-adaan perjalanan dari Jeddah ka-Mekah dan ka-Medinah saperti yang terjadi ka-atas jemaah2 Bru-nei pada tahun yang baru lalu ini, maka ada-lah nyata ia-nya tidak sesuai bagi orang2 yang sudah tua yang sudah lanjut umor-nya saperti umor 60 hingga membawa kapada lebeh 90 tahun. Dan, lebeh tidak sesuai lagi jika orang2 tua itu da-lam keadaan kesihatan yang ku-rang baik dan sa-belum-nya per-nah mengidap penyakit athma atau ampus dan lelah. Orang2 tua saperti ini harus bersikap jujur ter-hadap diri-nya sendiri dan apa-bila menghadapi pemereksaan dok-tor sa-belum di-benarkan bertolak ka-Mekah hendak-lah mereka me-nyatakan penyakit2 yang pernah mereka alami dalam masa yang lalu.



**Gambar ini menunjokkan keadaan sesak oleh manusia dan kenderaan di-Kampong Samiah, Mekah. Di-Kampong ini-lah tempat tinggal jemaah2 Brunei yang bersheikh-kan Sheikh Haji Ibrahim. Arus manusia dan kenderaan sa-umpa-ma ini akan bertambah2 padat bila tiba waktu sembahyang, ke-rana semua orang berebut2 hen-dak ka-Masjidil Haram yang le-tak-nya di-seberang jalan Kam-pong Samiah. — Gambar Haji Kamaluddin PHA Bakar.**

Menunaikan haji dalam pereng-kat umor yang sudah lanjut ini ada-lah tidak di-larang, tetapi ada-lah lebeh baik bagi mereka, khas-nya yang mampu dalam perengkat umor yang maseh agak muda, me-laksanakan ibadah itu dengan se-gera. Ada-lah ternyata senang dan melegakan di-kalangan mereka yang kuat dan chukup sehat bagi melaksanakan kerja2 haji itu de-ngan terator dan sempurna. Kesem-purnaan melaksanakan kerja2 haji itu ada-lah senantiasa di-ingatkan kapada bakal2 haji.

Rasulullah s.a.w., dalam sabda Baginda mengingatkan yang kira2 maksud-nya: *"Hendak-lah kamu menunaikan fardhu haji sa-belum datang halangan yang menegahkan kamu daripada menunaikan-nya"*.

Dari sabda Baginda itu, maka ada-lah jelas bagi kita semua ba-hawa kita ada-lah di-galakkan dan di-suroh mengerjakan ibadah haji itu sa-belum datang-nya *halangan2* yang tidak membolehkan kita mengerjakan-nya saperti umor yang terlalu tua dan di-tambah lagi de-ngan kesihatan yang tidak menchu-kupi untok menghadapi keadaan perhimpunan manusia yang begitu padat dan bertumpu di-kawasan2 ibadah yang tertentu.

Umat Islam yang menunaikan ibadah haji pada tahun yang baru lalu ini ada yang paling ramai se-kali daripada tahun2 sa-belum-nya. Tahun yang baru lalu ini, jumlah besar berhimpunan agong Umat Islam itu termasok raayat Arab Saudi sendiri ada-lah sa-ramai 1.5 juta orang.

Dari negara2 yang di-luar dari Arab Saudi saja, jumlah besar-nya ia-lah sa-ramai 645,182 orang pada tahun yang baru lalu ini berban-

*(Lihat Muka 6)*

# LAPANGAN PERNIAGAAN AMAT PENTING BAGI KEMAKMORAN RAAYAT

## KHUTBAH JUMA'AT

BEKERJA dan berusaha menchari rezeki bagi kehidupan itu hukum-nya wajib di-dalam Islam. Berikhtiar dan bekerja itu suatu rahasia kejayaan, samada pekerjaan itu sa-bagai petani, nelayan, mekanik, buroh, bertukang, peon, kerani, pegawai2, pengarah2 sharikat, membuat perusahaan, berternak, perniagaan dan sa-bagai-nya semua-nya itu termasok surohan2 Tuhan asalkan di-atas dasar2 yang tidak bertentangan dengan ajaran2 Islam.

Pada hari ini kita dapat perhatikan betapa kurang-nya penyertaan kita raayat dan pendudok bumi putera negeri ini di-dalam beberapa lapangan kegiatan ekonomi yang boleh mendatangkan keuntongan dan kebajikan yang besar. Sa-bagai satu chontoh, dalam lapangan perniagaan umpama-nya, kegiatan kita pada umum-nya hanya terbatas kapada membuka kedai2 runchit, berniaga di-gerai2 menjual makanan dan minuman sa-chara kechil2an, menjual sayor2an dan buah2an di-tamu2 dan di-tepi2 jalan raya dan terlalu sedikit mereka yang berani menjalankan perniagaan sachara besar2an, pada hal lapangan perniagaan ini ada-lah satu lapangan yang amat penting bagi kemakmoran raayat dan pendudok bumi putera negeri ini. Demikian pula penyertaan kita dalam lapangan2 perusahaan, penternakan, pertanian, pertukangan dan perikanan, kebanyakan-nya hanya dalam sambilan2 yang tentu-nya tidak mungkin memberikan keuntongan yang berarti jika di-badingkan dengan usaha2 yang telah dan sedang di-buat oleh orang2 bukan bumi putera.

Bertolak dari kenyataan ini maka sudah sampai-lah masa-nya kita memikirkan, mengkaji dan menchari jalan untok mengatasi kelemahan2 kita dalam semua lapangan2 tersebut kemudian mengusahakannya dengan kemahuan yang kuat, bekerja dengan rajin dan bersunggoh2, bersedia mempelajari dan menchontohi pengalaman2 orang bukan bumi putera, mengadakan berbagai2 latehan yang berkesan, membuka peluang penyertaan bumi putera ka-dalam lapangan2 itu, mengubah sikap dan pendirian mereka supaya sa-jajar dengan kehendak2 perkembangan dan kemajuan yang di-kehendaki.

Dalam pada itu harus-lah juga di-ingat bahawa penyertaan kita untok menchari harta kekayaan dalam berbagai2 chara ini hendak-lah di-dasarkan kapada jalan2 dan dengan chara2 yang tidak bertentangan dengan hukum Ugama Islam ,kerana Allah Subhanahu-Wataala telah mengadakan undang2 batasan yang tiada boleh di-langgar. Ada perkara yang di-halalkan Allah dan ada pula di-haramkan-nya. Allah Subhanahu-Wataala telah menyuroh menchari harta kekayaan itu tetapi bukan-lah untok menchari sembahan atau matalamat hidup, bahkan harta kekayaan itu hendak-lah di-jadikan suatu alat atau perkakas bagi menchapai tujuan2 yang berkebajikan.

Menjalankan perniagaan pelachoran atau dengan chara tipu, memudharatkan manusia yang lain, merosakkan tingkah laku dan akhlak, tiada ingatkan meruah dan sa-umpama-nya adalah di-larang oleh Ugama Islam, bagitu juga membelanjakan harta kapada perkara2 yang di-larang ada-lah di-tentang oleh Ugama Islam. Harta itu bukan kebajikan pada zat-nya tetapi kebajikan itu bagi kita supaya terlepas daripada meminta sedekah dan boleh membelanjakan-nya kapada keluarga dan orang2 yang di-bawah tanggongan, menolong orang2 susah dan yang berhajat. Harta itu bukan jahat pada zat-nya tetapi kejahatan itu pada kita jua ia-itu apabila kita bakhil pada perkara kebajikan, sumbong dan takbor dengan sebab ada harta, mengikut hawa nafsu, membelanjakan-nya pada perkara2 kejahatan dan maksiat.

Mari-lah kita menchari dan berusaha mendapatkan harta kekayaan dengan chara dan usaha yang halal, supaya dapat-lah kita orang Islam menggunakan-nya pada kebajikan dan faedah diri, bangsa dan tanah ayer.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Mach, 1973 hingga ka-hari Selasa 13hb. Mach, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7hb. Mach | 12-37 | 3-56 | 6-37 | 7-48 | 5.00 | 5-14 | 6-29 |
| 8hb. Mach | 12-37 | 3-56 | 6-37 | 7-48 | 5.00 | 5-14 | 6-29 |
| 9hb. Mach | 12-37 | 3-56 | 6-37 | 7-48 | 5.00 | 5-14 | 6-29 |
| 10hb. Mach | 12-37 | 3-56 | 6-37 | 7-48 | 5.00 | 5-14 | 6-29 |
| 11hb. Mach | 12-35 | 3-54 | 6-37 | 7-48 | 4.58 | 5-12 | 6-27 |
| 11hb. Mach | 12-35 | 3-54 | 6-37 | 7-48 | 4.58 | 5-12 | 6-27 |
| 13hb. Mach | 12-35 | 3-54 | 6-37 | 7-48 | 4.58 | 5-12 | 6-27 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.*

## Pendaftaran untok menunaikan fardhu haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran untok menunaikan fardhu haji dengan menaiki kapal laut dan kapal terbang baji musim haji tahun 1973/1974 bermula 1hb. Mach ini dan akan di-tutop 17hb. Mei hadapan.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Bahagian Urusan Haji, Tingkat 1 Bilek No. 211, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong, dan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Temburong.

Segala permohonan mesti-lah dengan lengkap dan semporna mengikut peratoran2 saperti berikut:

i) Nama dan alamat serta tarikh lahir hendak-lah mengikut ejaan dan tarikh di-lahirkan yang terdapat dalam surat beranak atau Kad Pengenalan. Surat Beranak dan Kad Pengenalan hendak-lah di-bawa bersama2 semasa mendaftar.

ii) Nama Sheikh haji tempatan dan di-Mekah hendak-lah di-nyatakan dalam borang pendaftaran, ia-itu salah satu sheikh yang di-tetapkan (Sheikh Haji Ibrahim dan Sheikh Ali Yassin Abdulmajid).

iii) Tiga keping gambar paspot untok pendaftaran naik haji dengan kapal terbang dan lima keping gambar untok pendaftaran kapal laut hendak-lah di-hantar bersama2 dengan borang permohonan sekali.

iv) Tiap2 borang permohonan hendak-lah di-tanda tangani atau di-chap dengan ibu jari kanan pemohon.

v) Borang2 permohonan yang semporna di-isikan hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan, Brunei atau di-Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait/Tutong/Temburong di-waktu bekerja biasa.

vi) Pendaftaran akan di-kira mengikut tarikh dan pendaftaran itu di-terima. Borang permohonan yang tidak lengkap mengikut sabagaimana yang di-kehendaki dalam borang tersebut tidak akan di-kira pendaftaran-nya.

vii) Surat Akuan Sehat dari Tabib Kerajaan yang membolehkan mereka pergi menunaikan fardhu haji hendak-lah di-perolehi. Borang untok pemereksaan kesihatan akan di-berikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan apabila Jabatan ini mendapat ketetapan tarikh dari pehak yang berkenaan untok memulakan pemereksaan tersebut.

viii) Semua pendaftaran yang telah di-sampaikan dan diterima oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait/Tutong/Temburong tidak-lah sa-mesti-nya orang yang mendaftar itu di-layani, bahkan ada-lah terta'alok kapada peratoran2 yang di-tentukan atau yang akan di-tetapkan dari samasa ka-samasa.

## Kawasan bagi balai pulis

BANGAR. — Kerja2 memberseh kawasan bagi tapak komplek balai pulis di-Pekan Bangar, Daerah Temburong sedang berjalan lanchar.

Tapak balai pulis yang baharu itu, di-bahagian seberang sungai dan bertentangan dengan balai pulis yang ada sekarang.

Komplek tersebut akan mengandongi sa-buah balai pulis, 2 blok 24 unit quarters bagi anggota2 pulis yang beristeri, sa-buah blok quarters bujang dan sa-buah rumah bagi pegawai pemerentah balai pulis.

# KA-TANAH SUCHI

(Dari muka 2)

ding dengan tahun sa-belum-nya yang hanya sa-ramai 479,339 orang. Tahun yang baru lalu itu ternyata membawa kelebehan Umat Islam dari luar Arab Saudi yang mengerjakan haji itu sa-hingga sa-ramai 165,843 orang.

Dari bilangan kelebehan yang besar ini, maka negara yang teramai sekali membenarkan raayat Islam-nya menunaikan haji itu ia-lah Pakistan dengan jumlah sa-ramai 95,968 orang dan yang ke-dua ramai-nya ia-lah dari Yemen dengan jumlah 60,250 orang dan yang ketiga ia-lah Nigeria dengan bilangan sa-ramai 48,981 orang. Sa-tahun sa-belum-nya tidak ramai ra-ayat Pakistan yang menunaikan ibadah haji itu di-sebabkan keadaan negara itu maseh lagi dalam suasana peperangan dengan India. Tetapi tahun yang baru lalu ini, keadaan negara itu telah beransor2 aman dan Kerajaan Pakistan tidak memberikan sekatan kapada raayat Islam-nya untok melepaskan mereka ka-Mekah. Jemaah dari India pula ia-lah sa-ramai 18.306 orang.

Menurut ramalan sheikh2 haji di-Mekah bahawa bilangan jemaah2 haji pada tahun yang akan datang ini mungkin meningkat lebeh besar daripada bilang tahun yang baru lalu ini.

*(Bersambong minggu depan dengan kesah perjalanan jemah Brunei ka-Tanah Suchi).*

## DI-DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARITH, KUALA BELAIT.

SURAT KUASA PESAKA No. 3/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Peramai binte Tarudin, d/a Samiun bin Abdul Rahman, Balai Pulis Panaga, Lorong 14, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Rahman bin Jalil yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 7 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Februari, 1973.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## Di—Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**A. PENOLONG PEGAWAI KERJA:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya G.C.E. Peringkat 'O' dalam tiga matapelajaran dan satu daripadanya ia-lah Bahasa Melayu;

(b) Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pentadbiran pejabat;

(c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kemahiran dalam trengkas Melayu dan berpengalaman dalam kerja2 penerbitan dan perchetakan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**B. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sebanding dengannya;

(b) Berpengalaman sekurang2-nya selama 10 tahun dalam pentadbiran perpustakaan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**C. PEMBANTU PERPUSTAKAAN:**

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

**D. ATENDAN PERPUSTAKAAN:**

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Mach, 1973.

## Sa—bagai Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untok memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

**Kelayakan2:**

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sebanding.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-335/EXAM BAR / 350x15-380-410x510/EB/540 x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 21hb. Mach, 1973.

## Sa—bagai Jurutrengkas Inggeris

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan boleh menchatet trengkas sechepat 80 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang lebeh tinggi.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — $410x20-510 / EB/540x20 - 660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Mach, 1973.

## Sa—bagai Pembantu Makmal Bahasa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Makmal Bahasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

*Kelayakan2:*

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran serta boleh membacha dan menulis Jawi.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. Mach, 1973.

## Sa—bagai Kerani / Juru Bahasa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Kerani/Juru Bahasa di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

*Kelayakan2:*

Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sa-banding dan mesti-lah benar2 faseh dalam sekurang2-nya tiga logat China, Melayu dan Inggeris.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — $410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

*Sharat2 Lantekan:*

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

*Baksis:*

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1973.

## SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

# Pemilehan chalun Penghulu bagi Mukim Keriam

TUTONG. — Pendudok2 Mukim Keriam, Daerah Tutong akan berkumpul di-balai raya Sinaut pada 17hb. Mach untok memileh chalun2 bagi jawatan Penghulu Grade Satu di-kawasan tersebut.

Mukim Keriam mengandongi kampong2 Bangsinggong, Bukit Panggal, Luagan Dudok, Santol, Batu 18, 19, 20, Kubu, Kupang, Ikas, Bandong dan Keriam.

Penghulu baru itu akan menggantikan Orang Kaya Setia Negara Awang Mohamed Safar bin Mohamed Salleh yang akan bersara tidak lama lagi.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohamed Jaafar berkata semua pendudok2 yang berumor 21 tahun ka-atas di-minta hadhir di-balai raya Sinaut pada 17hb. Mach jam 9.00 pagi.

Beliau menyatakan sa-siapa yang ingin menjadi chalun bagi jawatan tersebut mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berumor antara 30 dan 45 tahun dan lulus pepereksaan darjah lima sekolah Melayu.

Chalun itu mesti-lah juga tinggal di-kawasan itu dan tidak mempunyai jawatan dengan kerajaan atau berkhidmat dengan sa-barang firma atau pertubohan2 perniagaan.

Borang2 pemilehan chalun2 itu boleh di-dapati dari Pegawai Daerah Tutong.

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 11/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Mail bin Pakar, Kampong Belimbing, Subok, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jelimah bte. Lamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 12/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tan Soi, Kampong Batu Apoi, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tan Sim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 13/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Habibah bte. Abu Bakar, Kampong Sungai Kiangggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh A. Salleh bin Piut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 14/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Jijah bte. Ibrahim, Kampong Pengkalan Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Basir bin Bungsu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 15/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siawan bte. Othman, No. 50, Jaya Setia Kg. Perpindahan, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kamis bin Metasim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 16/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jais bin Duraman, Kampong Pengkalan Batu, P.O. Box 1203, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sidup bin Duraman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 4/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jasni bin O.K. Samir kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Samir bin O.K.S. Mentri yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 13 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 5/1873.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ali bin Mehong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mehong bin O.K. Momin yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 13 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan Februari, 1973.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Negeri Brunei.**
**Pegawai Penguasa Warith,**

**MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM**

**IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,**

ADMINISTRATION SUIT

No. 2 OF 1973.

Application to this Court having been made by Liong Sit Kean (Leong Chee Hai) of J.K.R., Kuala Belait, Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Han Ai Ngo alias Von Yee Eng late of Kuala Belait deceased, on the ground that applicant is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 27th day of February, 1973.

ADMINISTRATION SUIT

No 3 OF 1973.

Application to this Court having been made by Wong Su Kee alias Rita Wong of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Loh Hung Hiah (f) late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful daughter of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 27th day of February, 1973.

ADMINISTRATION SUIT

No. 6 OF 1973.

Application to this Court having been made by Mdm. Wong Nye Moi of Kg. Terawan Labi, Ulu Belait, Brunei for Letter of Administration to the estate and effects of Lei Tet alias Lai Tid late of Ulu Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 27th day of February, 1973.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Negeri Brunei.**
**Pegawai Penguasa Warith,**

## *Pembinaan Stadium bagi menggalakkan raayat bergerak chergas dalam lapangan sukan*

BANGAR. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri selaku Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium telah menerangkan bahawa dengan terbina-nya nanti stadium di-Bandar Seri Begawan, ia-nya bertujuan untok menggalakkan raayat negeri ini bergiat chergas dalam lapangan sukan dan olah raga.

Stadium itu juga terbuka kapada semua jenis sukan bertaraf antara bangsa yang akan di-adakan di-Brunei di-samping memperkenalkan negeri ini ka-seluroh dunia.

Yang Berhormat itu berkata demikian dalam satu perjumpaan yang di-hadhiri oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong yang di-adakan di-bilek Persidangan Daerah Temburong pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu menerangkan bahawa kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah membukakan peluang itu kapada seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini bagi membina stadium itu supaya dapat bersama2 memikul tanggong jawab untok kemajuan sukan dan olah raga.

Yang Berhormat itu kemudian-nya telah menerima sakeping chek berharga $1,500.00 yang di-sampaikan oleh Pengerusi Jawatan KuasaTabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong, Awang Sidek bin Yahya sa-bagai derma kapada Tabong tersebut.

Awang Sidek mengharapkan derma itu akan dapat di-tambahkan lagi pada masa2 yang akan datang.

Yang Berhormat itu menguchapkan terima kaseh kapada Pengerusi Jawatan Kuasa itu dan semua penderma2 di-Daerah Temburong atas sumbangan derma tersebut.




**Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika beruchap dalam perjumpaan di-Pekan Bangar. Dudok di-sebelah kiri ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Sidek bin Yahya yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong. Manakala gambar bawah menunjokkan Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja sedang menerima chek bernilai $1,280.00 dari Pesurohjaya Pulis, Dato Pahlawan J.R.H. Burns ia-itu sumbangan dari anggota2 Pulis Diraja Brunei kapada tabong pembinaan stadium.**



## 103 orang lulus pereksa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 103 orang chalun lulus dalam pepereksaan trengkas, menaip dan ilmu menyimpan buku kira2 aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan Disember lalu.

Sa-ramai 70 orang telah lulus pepereksaan menaip aliran Melayu, 26 lulus perengkat permulaan, 10 perengkat menengah dan 26 perengkat tertinggi.

6 orang lulus pepereksaan trengkas, ia-itu 5 perengkat permulaan dan sa-orang perengkat tertinggi. Dua orang lulus pepereksaan ilmu menyimpan buku kira2 masing2 perengkat permulaan dan perengkat menengah.

Sa-ramai 16 orang chalun lulus pepereksaan menaip, trengkas dan ilmu menyimpan buku kira2 aliran Inggeris 8 lulus menaip perengkat permulaan, 5 perengkat menengah, sa-orang lulus trengkas permulaan dan dua lulus pepereksaan ilmu menyimpan buku kira.

Sa-ramai 15 orang lulus menaip aliran Inggeris. 12 perengkat permulaan, 2 perengkat menengah dan sa-orang perengkat tertinggi. Dua lagi lulus menaip permulaan aliran Melayu.

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pepereksaan itu telah di-adakan di-tiga buah pusat pepereksaan. Pusat2 ia-lah di-S.M. Pusar Ulak, di-Maktab SOAS dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

## Hati2 membuang pontong2 rokok

(Dari muka 1)

Bersabda mengenai dengan kebakaran di-sana sini, Yang Amat Mulia itu menyeru orang ramai, khas-nya pemandu2 kenderaan supaya tidak membuang pontong2 rokok sembarangan.

Orang ramai juga di-nasehat-supaya melaporkan kejadian2 kebakaran dengan segera kapada Balai Bomba bagi mengawal api kebakaran itu dari merebak ka-tempat2 yang lain.

Dalam pada itu, beliau juga memuji sikap sa-bilangan besar dari masharakat negeri ini yang telah bekerjasama dengan pehak Bomba dalam memadamkan api kebakaran yang menimpa di-beberapa tempat di-seluroh negeri.

Beliau berharap, sikap yang demikian itu akan tetap subor sa-hingga bila2 masa yang akan datang.

## Penuntut2 Brunei

(Dari muka 1)

Colombo dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Sa-ramai 228 orang lagi dari penuntut2 Brunei itu belajar dengan perbelajaan sendiri di-Australia, Canada, Jepun, New Zealand, Taiwan, United Kingdom, Amerika Sharikat, Malaysia dan Singapura.

50 dari mereka belajar di-sekolah2 menengah, 11 orang mengambil jururawat, tiga mengambil latehan guru, 95 mengambil ijazah dan kursus diploma dan tiga orang lagi mengambil kursus Post-Graduate.

Jumlah tersebut membawa kapada sa-ramai 632 orang penuntut2 Brunei berada di-luar negeri termasok 205 orang di-antara-nya ada-lah pelajar2 wanita.

## *Kerja2 di-sambong semula*

(Dari muka 1)

Kerja2 itu terdiri dari pembinaan2 utama di-Kampong Layong, dan memasang batang2 paip sa-panjang dua batu antara kerja2 pembinaan utama itu dan kolam ayer Sungai Burong.

Lain2 kerja pembinaan utama ia-lah penyempurnaan jumlah 8 buah kolam ayer, pemasangan paip penutopan berukoran 26 inchi dan 15 inchi sa-panjang sa-tengah batu kapekan2 Muara dan Tutong termasok lain2 pembinaan kechil di-sepanjang jalan paip itu.

Sa-orang juruchakap Binnie and Partners yang mengawas pembinaan tersebut bagi pehak kerajaan menyatakan pemborangan itu akan menjalanan kerja2 pembinaan itu sebarapa chepat mungkin saperti di-ranchangkan oleh Binnie and Partners bagi membekalkan ayer dengan segara.

Juruchakap itu menyatakan ada-lah di-harapkan bahawa bekalan ayer yang telah di-bersehkan boleh di-bekalkan salama 24 jam di-kawasan Bandar Seri Begawan dalam bulan Jun tahun ini dan bekalan ayer kapada Pekan Muara pada akhir tahun.

Sharikat Pembinaan Swee juga di-ambil bagi kerja2 pembinaan perengkat kedua ranchangan tersebut.

Kerja2 itu merupakan pemasangan paip2 A.C. dan kolam2 ayer kechil bagi bekalan kapada kawasan2 pendalaman, pemasangan paip2 utama di-Bandar Seri Begawan, Muara dan Tutong yang telah pun hampir2 siap.

Paip2 itu akan boleh di-gunakan sa-baik saja kerja2 pembinaan perengkat pertama selesai.

Juruchakap itu mengsifatkan kerja2 bagi pembinaan Perengkat Kedua sedang berjalan dengan lanchar saperti di-jadualkan.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.